

STRATEGI PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN

NAMA PUSAT : IINNOVATION

PUSAT/ FUNGSI : BLOCK & PUZZLE

TAJUK/ TEMA : ALAT PENAPISAN MINYAK MENTAH

BI L	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	MA 6.3	Membuat pelbagai binaan mengikut kreativiti.
2	STANDARD PEMBELAJARAN	MA 6.3.4	Membuat pelbagai binaan yang kukuh dan stabil menggunakan bahan mengikut kreativiti.
4	STREAM	S	Membuat pemerhatian tentang proses penapisan minyak mentah
		T	Botol minyak masak, tiub pam akuarium, batu pelbagai saiz.
		R	Bekerjasama dan bertolak ansur dalam aktiviti.
		E	membuat reka bentuk alat penapisan minyak mentah
		A	menghasilkan alat penapisan minyak mengikut reka bentuk
		M	memahami konsep klasifikasi, ukuran, saiz, bentuk,
3	OBJEKTIF PEMBELAJARAN	Pada akhir pembelajaran kanak-kanak dapat mencipta alat penapisan minyak mentah	
5	BBM	Botol minyak masak 5kg, tiub pam akuarium, tong air mineral saiz 10 liter.	
6	NILAI MURNI	Bekerjasama, rajin, tekun, dan toleransi	

STRATEGI PELAKSANAAN

1. Guru membawa kanak-kanak ke pusat pembelajaran.
2. Guru menayangkan video berkaitan proses penapisan minyak mentah.

<https://youtu.be/Tr5RQLpwXYs>

3. Guru menerangkan bahan/alatan yang akan digunakan dalam membuat reka cipta alat penapisan minyak mentah.
4. Kanak-kanak berbincang mengenai bahan-bahan yang diperlukan untuk reka cipta alat penapis minyak mentah.
5. Kanak-kanak diminta untuk membina peta I-Think (aliran) untuk menjana minda semasa membuat lakaran reka bentuk alat penapisan minyak mentah.

<https://youtu.be/A0btXFwV2Fo>

<https://youtu.be/kwZF81szEkU>

6. Kanak-kanak mengambil bahan-bahan yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti reka cipta alat penapisan minyak mentah.
7. Guru merangsang dan membimbing kanak-kanak untuk melakukan aktiviti seperti mengerat botol, menyusun batu, menentukan kedudukan tiub pam dengan betul bagi membentuk membuat alat penapisan minyak.
8. Kanak-kanak melabel alat penapisan minyak yang dihasilkan.
9. Wakil kanak-kanak mempamerkan rekacipta alat penapisan minyak mentah dan menceritakan tentang hasil

kerja mereka.

10. Kanak-kanak bebas memberi pandangan masing-masing terhadap hasil kerja rakan-rakan.

11. Hasil kerja kanak-kanak dipamerkan dan menjemput ibu bapa untuk hadir.

Nota:

** guru boleh menyediakan abm berdasarkan pelbagai tema yang bersesuaian*